

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 13 JUN 2016 (ISNIN)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Tubuhkan pasukan khas untuk tangani Pedofilia	BERNAMA
2.	Program Saintis STEM bantu murid berkeperluan khas teroka bidang sains	KOSMO
3.	Much for kids to gain from early exposure	New Straits Times



## Tubuhkan Pasukan Khas Untuk Tangani Pedofilia

Oleh Nur Aimidiyana Zuher

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Tubuhkan pasukan petugas khas peringkat tertinggi untuk menangani jenayah penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia, kata aktivis sosial Tan Sri Lee Lam Thye.

Mengulas mengenai isu tindakan kejam dilakukan penjenayah pedofil British Richard Huckle yang mencetuskan kemarahan orang ramai, beliau mencadangkan agar pasukan tersebut merangkumi wakil Polis Diraja Malaysia, Perkhidmatan [CyberSecurity Malaysia](#), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, agensi-agensi kerajaan berkaitan serta badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Pasukan petugas itu perlu bekerjasama rapat dengan negara luar memandangkan jenayah pedofilia kini merentasi sempadan ke seluruh pelosok dunia melalui internet dan pelbagai bentuk teknologi maklumat masa kini," katanya kepada Bernama.

-- BERNAMA



KERATAN AKHBAR  
KOSMO (GENK) : MUKA SURAT 34  
TARIKH : 13 JUN 2016 (ISNIN)



SALAH seorang fasilitator menunjukkan demonstrasi sains kepada peserta program.



PARA peserta bergambar kenangan bersama fasilitator yang terlibat dalam program Saintis STEM di Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung 2, Rawang, Selangor baru-baru ini.

## Program Saintis STEM bantu murid berkeperluan khas teroka bidang sains

RENTAK  
kampus



**F**AKULTI Sains dengan kerjasama Fakulti Pengajian Pendidikan (FPP), Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan slot Saintis Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) bersama murid berkeperluan khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan Bukit Beruntung 2, Rawang, Selangor baru-baru ini.

Program itu disertai sembilan pensyarah kanan dan empat pelajar pasca siswazah Fakulti Sains serta 10 pelajar daripada Potential Enhancement and Caring Education (PEaCE) FPP UPM yang bertindak sebagai fasilitator kepada 60 MBK dan 160 murid tahun empat aliran perdana.

Program itu melibatkan kanak-kanak istimewa dalam meneroka bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik melalui permainan.

Pasukan itu dibantu seramai 10 orang tenaga pengajar dan lima pembantu pengurusan MBK.

Murid-murid khas itu merupakan kanak-kanak istimewa yang mengalami masalah pembelajaran antaranya, autisme, hiperaktif, sindrom Down, paksi serebrum, pelajar lembap, epilepsi dan disleksia.

### Menarik minat

Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas, Ruzita Mohamad Yusoh berkata, pelbagai aktiviti yang menyeronokkan diperlukan untuk menarik minat MBK untuk belajar seperti murid-murid dalam aliran perdana.

"Pembelajaran di bilik darjah bukan satu-satunya medium untuk memberi pengetahuan kepada murid-murid ini. Pembelajaran di luar bilik darjah boleh dijadikan pilihan untuk meningkatkan kefahaman, memberi pengalaman dan keyakinan diri murid," katanya.

Atas dasar itu, program minggu pendidikan khas yang bertemakan



PESERTA diberikan peluang untuk mencuba sendiri aktiviti sains yang dipamerkan pada program itu.

*Anak Istimewa Satu Anugerah* tersebut menggunakan pendekatan aktiviti *hands-on* yang memberi peluang kepada MBK menggunakan kemahiran deria (*sensory skills*) untuk memahami konsep sains dan matematik dengan lebih mudah serta menyeronokkan.

Pensyarah Jabatan Fizik, Fakulti Sains, Dr. Suriati Paiman berkata, beliau berharap program itu dapat meningkatkan minat terhadap mata pelajaran sains dan matematik dalam kalangan murid sekolah rendah seawal yang mungkin.

Ia bertujuan untuk mengaitkan fakta yang dipelajari di sekolah dengan aplikasi seharian di rumah.

"Konsep asas sains fizikal, teknologi, kejuruteraan dan matematik telah diterapkan dalam aktiviti yang dijalankan bagi menepati silibus kurikulum sains tahun empat.

"Pendekatan yang lebih santai mirip kepada kehidupan harian murid-murid seperti menghasilkan sendiri *playdough* yang boleh bersifat konduktor dan penebat dengan menggunakan resipi (komponen matematik) melalui penggunaan bahan-bahan yang mudah ditemui di dapur seperti tepung, gula, garam dan minyak masak.

"Ini dapat menarik minat murid untuk mempelajari dan mengaplikasikan reka bentuk (komponen teknologi) asas litar yang mudah," katanya.

Fasilitator yang juga bekas guru fizik, Mohd. Naquiddin Che Ibrahim turut mengakui, program itu memberi beliau pengalaman baharu cara berkomunikasi yang berbeza dengan murid aliran perdana.

"Saya bersama rakan, Dr. Nurhidayati Mokhtar menjalankan aktiviti permainan yang mengkategorikan pelbagai permainan kepada bahan magnet dan bahan bukan magnet.

"Anak-anak istimewa ini teruja dengan bahan magnet apabila boleh bermain kereta lumba," katanya.

### Cabaran

Antara aktiviti lain yang menarik minat MBK ialah cabaran reka bentuk struktur bangunan dan jambatan menggunakan marshmallow dan cangkil gigi, roket berkuasa soda dan gelang tiub getah berwarna-warni yang menggunakan konsep ketumpatan.

Pensyarah Kanan Jabatan Kimia, Dr. Siti Nurul Ain Jamil berkata, ketika aktiviti bot yang menggunakan campuran cuka dan tepung soda bikarbonat dilakukan, kanak-kanak menjerit keriang apabila melihat bot menggunakan bahan terbang seperti botol plastik itu boleh bergerak sendiri.

"Dengan adanya slot bersama Saintis STEM ini, ia dapat meningkatkan keyakinan diri MBK untuk meneroka bidang sains sebagai bidang yang menyeronokkan.

"Selain itu, dia dapat memberi peluang kepada semua pihak terutamanya ahli akademik daripada pelbagai bidang di universiti untuk mengenali anak-anak istimewa secara lebih dekat dengan cara memahami fitrah mereka yang sememangnya suka meneroka alam persekitaran," katanya.



SCIENCE AND TECHNOLOGY

# *Much for kids to gain from early exposure*

**I**REFER to the news report "Kidzania holds tech workshop for children" (NST, June 8), where the programme discussed information technology-related knowledge, including coding, robotics, augmented reality and holography.

What is interesting about the programme is the culture to inculcate technology awareness and technology usage in children.

It suggests the importance of exposing children to technology early on in their lives.

In the United States, awareness campaigns are done by private and non-profit organisations. Communities are encouraged to donate and join the programmes.

One challenge is to ensure children have access to computers and the Internet, which not all children in the US enjoy.

A report from the Pew Research Centre last year stated that the highest computer ownership is in Washington with 92 per cent of its population, while the differences in access can be seen from the centre's report which states: "Despite the rising popularity of smart-

phones and other mobile devices to access the Internet, relatively few people rely exclusively on these devices for access to the Internet, less than six million households, or about five per cent."

It added: "At the opposite extreme, the census data show that nearly 25 million households (21 per cent) have no regular Internet access, either at home or elsewhere."

The data suggest that the issue of technology access is an alarming issue. This means that we need to widen the access of technology to our children to ensure technology opens up opportunities to them, rather than increasing the gap between the rich and the poor.

In this respect, we can see the moves made by the government, including providing better WiFi access in villages.

A meeting of Ministers of Education and Research in the European Union in Uppsala, Sweden, in 2001 attempted to identify the importance of technology among children in terms of education.

One of the aspects raised was the quality of science and technology teachers, who are the main actors

in instilling technology awareness in children.

A report last year said that 41 per cent of science teachers in Malaysia do not have a bachelor's degree.

Although we are striving to improve our education quality and make science and technology more popular among students, we need to work with agencies and non-governmental organisations to make science and technology part of their lives and to make learning fun.

What Kidzania is doing is one of the examples. Science and technology need to be learnt with knowledge and understanding. Using them without knowledge is useless as it will not only destroy people's ability to think like normal human beings, but it will also damage the way children think and act.

Awareness campaigns should at least include knowledge about science, applications and social functions of science.

**DR SITI SURIANI OTHMAN,**  
Visiting scholar, Xiamen University  
Malaysia; senior lecturer, Universiti  
Sains Islam Malaysia